

Siswa-siswa UMS belajar di Jepun

Oleh YATIM
TAUBATAL ANDAM


KOTA KINABALU, Isnin - Sebanyak 50 mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mengikuti pengajian di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi bagi program Perniagaan Antarabangsa di Jepun dijangka akan menghabiskan tahun akhir mereka di negara itu.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Abu Hassan Othman, berkata ini bagi membolehkan siswa terbabit mengadaptasikan kemahiran pengurusan dan mengorantasiakan selok belok perniagaan di negara tersebut.

Katanya, semua pelajar terbabit yang kini turut mengikuti kursus Bahasa Jepun, adalah yang pertama seumpamanya apabila UMS memulakan satu daripada lapan kursus bahasa asing di kampusnya pada semester ini.

Menurutnya, langkah yang diperkenalkan oleh UMS untuk menjalin hubungan dengan agensi Jepun Foundation bagi membolehkan taraf akademik dan kurikulum di kalangan mahasiswa dan kakitangan meningkat.

"Selain memperkenalkan bahasa Jepun, UMS juga bercadang untuk memperkenalkan kebudayaan negara itu, sesuai dengan kursus yang kami tawarkan menge�ai Budaya dan Politik Asia



KUASAI BAHASA...sebahagian daripada pelajar yang hadir dalam majlis itu bersama dengan Yukie (membelakangi kamera).

Timur yang merangkumi pembelajaran dan pemahaman aspek budaya negara itu," katanya di majlis penyampaian alat bantu belajar bahasa Jepun, di kampus sementara UMS di Yayasan Sabah, di sini pagi tadi.

Turut hadir ialah Konsulat Jepun, Dr Teruo Kamiigashi; Timbalannya, Eiji Shinjo; wakil Yayasan Jepun, Yukie Yamigishi; dan Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Dr Wan Mohammad Rafaei.

Pada majlis itu, Teruo menyampaikan 25 jenis buku, empat kad visual, dan empat jenis kaset alat bantu belajar dan pengajaran bahasa Jepun.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan memperkenalkan lapan bahasa asing sebagai sebahagian daripada program pentingnya.

Prof Abu Hassan berkata, selain bahasa Jepun, UMS juga turut memperkenalkan tujuh lagi bahasa asing iaitu Mandarin, Korea, Spanish, Arab, Vietnam, Perancis dan

German secara berperingkat-peringkat.

"Pelaksanaan program bahasa asing ini sejajar dengan era globalisasi dunia yang memerlukan masyarakat yang peka dengan pelbagai pengetahuan mutakhir," katanya.

Beliau berkata, sebagai universiti yang mementingkan pelbagai aspek pengetahuan, penguasaan dalam pelbagai bahasa dunia adalah perlu untuk kepentingan bangsa dan negara.